



Ruj. Kami : JPA(I)S.175/22/1 Klt. 16 (6)
Tarikh : 22 Mac 2021

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan,

**PELAWAAN PENAJAAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) UNTUK
PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BAGI MENGIKUTI
PENGAJIAN DI PERINGKAT SARJANA DAN KEDOKTORAN (Ph.D) SECARA
SEPENUH MASA SESI 2022**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Jabatan ini ingin mempelawa pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan untuk mengemukakan pencalonan daripada kalangan **Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang memohon penajaan **Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)** bagi mengikuti pengajian di peringkat Sarjana dan Kedoktoran (Ph.D) Secara Sepenuh Masa Sesi 2022. Penajaan HLP ini terbuka kepada semua pegawai **Perkhidmatan Awam Persekutuan** dan **Badan Berkanun Persekutuan** tertakluk kepada syarat seperti di **Lampiran 1**.

3. **Penajaan ini tidak meliputi pegawai** di Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang mempunyai peruntukan untuk mengendalikan kursus Pasca Ijazah atau agensi yang mempunyai badan penaja yang lain. Antara Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang dimaksudkan ialah **Kementerian Pendidikan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), **Kementerian Pertahanan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), **Kementerian Kesihatan Malaysia** (kecuali pegawai di bawah skim perkhidmatan gunasama dan jawatan kader), jabatan/ agensi/ badan berkanun yang telah diswastakan /dikorporatkan/ diasingkan sistem saraannya (dibebaskan atau tidak dibebaskan) dan organisasi-organisasi lain yang berkaitan.

4. Dalam mengemukakan pencalonan tersebut, kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan adalah dipohon untuk mengikuti tatacara pencalonan seperti di **Lampiran 2** serta mematuhi tarikh-tarikh yang ditetapkan seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Permohonan secara atas talian melalui portal eSila JPA, http://esilav2.jpa.gov.my	22 Mac 2021 – 16 April 2021
2.	Tarikh tutup pencalonan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)	23 April 2021
3.	Saringan dan temuduga	Jun / Julai 2021
4.	Semakan keputusan penawaran HLP	Ogos 2021

5. Sekiranya pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung perkara ini, pihak penyelaras yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

**Penyelaras : Unit Pengurusan Penawaran Latihan Dalam
Perkhidmatan, Bahagian Pembangunan Modal
Insan, JPA**

No. Telefon : 03 – 8885 3053 / 3371

Emel : penawaranldp@jpa.gov.my

6. Perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. ZAINAL ABIDIN BIN SAIT)

Pengarah

Bahagian Pembangunan Modal Insan

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

1. TAJUK KURSUS				
2. TEMPAT KURSUS				
3. TEMPOH KURSUS				
4. PENGANJUR				
5. BIL. PERMOHONAN DITERIMA				
6. BIL. CALON YANG LAYAK				
7. BUTIR-BUTIR CALON YANG DIPERAKUKAN (Sila buat lampiran jika ruangan tidak mencukupi)				
Nama dan Jawatan Calon	Kelulusan / Institut / Tahun	Perkhidmatan Sekarang		Tarikh Lahir / Umur
		T/Lantikan	T/Sah	
<u>Calon Tetap</u>				
<u>Calon Simpanan</u>				
8. KEANGGOTAAN JAWATANKUASA LATIHAN		ASAS ASAS PERAKUAN		
<u>PENGERUSI:</u> Nama : Jawatan: <u>AHLI :</u> 1. Nama : Jawatan: 2. Nama: Jawatan: <div style="text-align: center;"> (Tandatangan Pengerusi/Setiausaha) </div> Nama : Jawatan: Cop Rasmi Kerajaan: Tarikh:		<u>PERAKUAN</u> DENGAN PERAKUAN INI KETUA JABATAN/ KEMENTERIAN BERSETUJU MELULUSKAN PEGAWAI UNTUK BERKURSUS		

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

PROGRAM HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SESI 2022

PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA

Pegawai Perkhidmatan Gunasama bermaksud perkhidmatan yang Ketua Perkhidmatannya ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA). Skim perkhidmatan yang terlibat ialah **Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Pegawai Latihan Vokasional, Pegawai Psikologi dan Guru Bahasa (INTAN)**.

PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA

Pegawai Perkhidmatan Bukan Gunasama bermaksud pegawai-pegawai dalam perkhidmatan **selain daripada Skim Perkhidmatan Gunasama**.

1. **Syarat Umum**

Pegawai-pegawai hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman, minat dan perwatakan/ sikap yang sesuai bagi menentukan kejayaan dalam pengajian dan seterusnya berupaya memberi sumbangan ke arah meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi. Pegawai juga hendaklah mempunyai kelayakan Ijazah Pertama yang diiktiraf atau kelayakan yang setaraf dengannya.

2. **Syarat Khusus**

- (i) Pegawai **Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional** yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan tetap;
- (ii) Telah **disahkan dalam skim perkhidmatan terkini** pada tarikh tutup permohonan;
- (iii) Mencapai **purata markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 85% ke atas** bagi tempoh **tiga (3) tahun berturut-turut (2018, 2019 & 2020)** dalam **skim perkhidmatan terkini**. Penilaian setahun LNPT hendaklah **genap 12 bulan**;
- (iv) Pada **1 Januari 2022**, pegawai mestilah berumur tidak melebihi **45 tahun** bagi pengajian peringkat **Ijazah Kedoktoran (Ph.D)** dan tidak melebihi **50 tahun** bagi pengajian peringkat **Ijazah Sarjana**;

LAMPIRAN 1

- (v) **Tempoh perkhidmatan minimum** pegawai pada tarikh tutup permohonan (**16 April 2021**) adalah seperti berikut:

Peringkat Pengajian Yang Dipohon	Skim Perkhidmatan	
	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	Skim-Skim Perkhidmatan Lain
Ijazah Sarjana	8 tahun ke atas	
Ijazah Kedoktoran	Gred M48 ke atas	9 tahun ke atas

- (vi) Mematuhi syarat genap tempoh tamat mengikuti kursus jangka panjang/pendek seperti berikut:

Tempoh Kursus	Tempoh Menunggu (pada 1 Januari 2021)
Lebih daripada 12 bulan	2 tahun
Lebih daripada 3 bulan dan kurang daripada 12 bulan	1 tahun
Kurang daripada 3 bulan	Tiada

- (vii) Bersih daripada pertuduhan/tindakan tatatertib dan bebas daripada dakwaan Mahkamah;
- (viii) Telah mengisytiharkan harta;
- (ix) Tidak tersenarai dalam senarai hitam pinjaman atau biasiswa JPA;
- (x) Pegawai bebas daripada sebarang penyakit kronik (**LAMPIRAN 3**);

*Ahli keluarga pemohon yang dibawa bersama (**sekiranya ditawarkan pengajian di luar negara**) juga perlu bebas daripada sebarang penyakit kronik.

- (xi) **Masih belum mendapat tempat di mana-mana institusi pengajian tinggi** sama ada di luar atau dalam negara;

atau

Telah mendapat tempat pengajian tetapi belum memulakan pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi sama ada di luar atau dalam negara;

atau

Bagi calon Ijazah Kedoktoran sahaja - Telah memulakan pengajian pada tahun penawaran dibuka dengan syarat pemohon perlu **memohon penangguhan pengajian** daripada universiti bagi mengikuti Kursus Persediaan Kedoktoran (Ph.D) yang ditetapkan JPA;

*Tawaran HLP akan **terbatal** sekiranya pegawai gagal mengikuti Kursus Persediaan Kedoktoran (Ph.D).

- (xii) Pemohon Program HLP JPA di peringkat Ijazah Sarjana untuk bidang pengajian **Ekonomi, Kaunseling dan Psikologi hendaklah mempunyai latar belakang akademik** di peringkat ijazah pertama dalam bidang-bidang tersebut; dan
- (xiii) Menyediakan Kertas Cadangan Penyelidikan/Pengajian (dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris) mengikut garis panduan seperti di **LAMPIRAN 4** berdasarkan pilihan bidang pengajian yang ditaja seperti senarai di **LAMPIRAN 5**.

3. Peringkat Pengajian

Dua (2) peringkat pengajian ditawarkan bagi HLP Sesi 2022 iaitu:

- (i) **Ph.D** - universiti luar dan dalam negara; dan
- (ii) **Sarjana** - universiti luar dan dalam negara.

*Pegawai yang pernah ditaja di bawah Program HLP JPA ke luar negara di peringkat Ijazah Sarjana hanya dibenarkan untuk memohon pengajian di dalam negara bagi penawaran Program HLP JPA di peringkat Ijazah Kedoktoran.

*Pengajian secara Kerja Kursus (*Coursework*) di peringkat Ijazah Sarjana perlu melibatkan sekurang-kurangnya enam (6) jam kredit dalam bentuk tesis, disertasi atau kertas projek penyelidikan.

4. Institusi Pengajian

Pegawai perlu memilih institusi pengajian mengikut kategori yang ditetapkan seperti berikut:

(i) Luar Negara

- (a) Senarai *Type A* dan *Type B* di dalam Top Global Universities (The Top Global University Project) bagi pengajian di Jepun;

(b) Senarai kedudukan 100 teratas secara keseluruhan atau 10 teratas mengikut bidang di dalam The Times Higher Education (THE) World University Rankings; atau

(c) Senarai kedudukan 100 teratas secara keseluruhan atau 10 teratas mengikut bidang di dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings.

(ii) **Dalam Negara**

Universiti Awam (UA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seperti di **Lampiran 6**.

5. **Ujian Khas**

Pemohon yang melepasi saringan awal adalah **diwajibkan** untuk menduduki Ujian Khas secara *online* pada tarikh yang akan dimaklumkan kelak. Ujian ini hanya boleh **diduduki dalam tempoh ditetapkan sahaja** dan kegagalan untuk berbuat demikian akan menjejaskan peluang penawaran HLP JPA.

6. **Kemudahan**

Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berjaya dipilih akan ditawarkan **Hadiah Latihan Persekutuan dengan Cuti Belajar Bergaji Penuh**. Bagi Pegawai Badan Berkanun Persekutuan yang berjaya dipilih pula akan ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan tertakluk kepada kelulusan Cuti Belajar Bergaji oleh **pihak berkuasa melulus** masing-masing.

7. **Ujian Bahasa Inggeris**

Pemohon yang berjaya ditawarkan kemudahan Program HLP JPA **dalam negara tidak perlu mengambil ujian Bahasa Inggeris**. Keperluan untuk mengambil ujian Bahasa Inggeris hanya **diwajibkan kepada pemohon yang berjaya ditawarkan Program HLP JPA ke luar negara sahaja**. Pemohon hendaklah telah lulus ujian Bahasa Inggeris semasa mengemukakan permohonan dengan memperolehi skor minimum seperti berikut:

- (a) IELTS : Band 6.5; atau
- (b) TOEFL : Internet Based: 92 point / Paper Based: 580 point

Walau bagaimanapun, bagi calon yang sedang menduduki ujian ini, semua slip keputusan perlu dikemukakan **semasa menghadiri temuduga**.

Hanya ujian Bahasa Inggeris yang diambil pada atau selepas **1 Januari 2021**

sahaja diambil kira bagi tujuan ini dan sebarang kos peperiksaan tidak akan ditanggung oleh Jabatan ini.

8. Ikatan Perjanjian Dengan Kerajaan

Pegawai-pegawai yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian dengan Kerajaan dan pegawai adalah tertakluk kepada tempoh ikatan kontrak berkhidmat dengan Kerajaan dan tuntutan ganti rugi sekiranya melanggar syarat perjanjian.



JPA

TATACARA PENCALONAN

PROGRAM HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN SESI 2022

Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan adalah dinasihatkan supaya membuat **semakan yang teliti** dan **memberi sepenuh perhatian** kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di **Lampiran 1**. Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)¹ masing-masing untuk memperakukan pegawai-pegawai yang **bersesuaian dan berkelayakan** berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan sahaja.

Permohonan dengan dokumen yang **tidak lengkap dan tidak dikemukakan** melalui PPSM masing-masing serta tidak memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan secara automatik **TIDAK AKAN DIPROSES UNTUK TUJUAN PERTIMBANGAN**.

Jabatan ini **berhak menolak pencalonan / permohonan** yang didapati tidak mematuhi ketetapan yang digariskan. Keputusan pemilihan akhir oleh Jabatan ini adalah **muktamad** dan sebarang **rayuan tidak akan dipertimbangkan**.

A) TANGGUNGJAWAB PEGAWAI

- (i) Pegawai yang berminat dikehendaki membaca dan memahami syarat-syarat permohonan seperti di **Lampiran 1** sebelum membuat permohonan.
- (ii) Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan borang permohonan secara atas talian **mulai 22 Mac 2021 hingga 16 April 2021** melalui pautan <http://esilav2.jpa.gov.my>.
- (iii) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah **dimuat turun, dicetak dan ditandatangani oleh pegawai**. Terdapat ruangan perakuan Ketua Jabatan selepas ruangan tandatangan pegawai yang mana memerlukan **maklumat perkhidmatan pegawai dilengkapkan, disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan**² masing-masing. Semakan ke atas buku perkhidmatan atau/dan rekod HRMIS pegawai perlu dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan pegawai.

¹ PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing tanpa mengira Kementerian/Jabatan/Agensi penempatan pegawai kecuali bagi pegawai perkhidmatan gunasama (PTD, PLV dan PPSi) yang mana PPSM yang dimaksudkan adalah PPSM yang dipengerusikan oleh pegawai pengawal Kementerian masing-masing sahaja walaupun pegawai ditempatkan di Jabatan/Agensi di bawah Kementerian berkaitan.

² Ketua Jabatan yang dimaksudkan adalah sekurang-kurangnya pegawai di peringkat mengetahui sesuatu bahagian di mana pegawai ditempatkan atau bahagian pengurusan sumber manusia di Kementerian/Jabatan/Agensi seperti Pengarah / Setiausaha Bahagian dsb.

Nota : **Tanggungjawab pegawai** untuk menyemak dan memastikan segala maklumat di ruangan perakuan Ketua Jabatan tersebut **dilengkapkan sepenuhnya tanpa ada sebarang kecaciran** sebelum borang permohonan lengkap tersebut dikemukakan kepada urusetia Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) masing-masing.

- (iv) Borang permohonan yang lengkap tersebut perlu dikemukakan kepada urusetia PPSM masing-masing bersama-sama dengan **dokumen-dokumen sokongan** yang berkaitan seperti berikut:
- (a) Salinan Ijazah Pertama lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya (diakui sah oleh pegawai berkeelayakan);
 - (b) Salinan Ijazah Sarjana lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya (sekiranya berkaitan) (diakui sah oleh pegawai berkeelayakan);
 - (c) Salinan Slip keputusan TOEFL atau IELTS bagi permohonan pengajian di Luar Negara (diakui sah oleh pegawai berkeelayakan);
 - (d) Salinan Surat Akuan Doktor oleh Pegawai Perubatan & Kesihatan berdaftar sekiranya pegawai atau ahli keluarga menghidap penyakit kronik (ahli keluarga yang dimaksudkan adalah yang dibawa bersama sekiranya ditawarkan **pengajian di luar negara sahaja**);
 - (e) Salinan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak-anak (bagi calon yang telah berkeluarga) (diakui sah oleh pegawai berkeelayakan); dan
 - (f) Dua (2) salinan Kertas Cadangan Penyelidikan/Pengajian. Pemohon boleh merujuk Panduan Menulis Kertas Cadangan Penyelidikan / Pengajian HLP Sesi 2022 seperti di **Lampiran 4**.

B) TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN DAN KETUA PERKHIDMATAN

- (i) Sebelum mengemukakan pencalonan, Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan adalah diminta untuk membuat perancangan yang teliti dan hanya **memperakukan calon yang boleh dilepaskan** oleh Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan pada tahun 2022 kelak. Sekiranya kesemua calon yang diperakukan oleh Jabatan berjaya ditawarkan HLP ini, Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan berkenaan adalah dikehendaki **memberi pelepasan** kepada mereka untuk menjalani pengajian;
- (ii) Ketua Jabatan dan/atau Ketua Perkhidmatan hendaklah memastikan hanya pegawai-pegawai yang **bersesuaian sahaja** dicalonkan untuk mengikuti

pengajian di luar negara dengan mengambil kira kesesuaian bidang kursus yang dipohon, potensi calon, penguasaan Bahasa Inggeris yang baik dan sebagainya. Ini kerana slot penajaan pengajian luar negara amat terhad;

- (iii) Semua permohonan hendaklah dipertimbang dan diperakukan oleh **Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM)** seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2005. Hanya pencalonan yang **disokong dan diperakukan oleh PPSM sahaja** perlu dikemukakan kepada Bahagian Pembangunan Modal Insan (BMI), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk saringan dan pemilihan lanjut.
- (iv) Sehubungan itu, adalah menjadi tanggungjawab urusetia PPSM untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:
 - (a) Melengkapkan Borang Laporan Panel Pembangunan Sumber Manusia Kementerian/Jabatan untuk kursus dalam perkhidmatan - JPA(L) LDP 1A/96;
 - (b) Memastikan **maklumat perkhidmatan** yang telah dilengkapkan di ruangan perakuan Ketua Jabatan di dalam borang permohonan **adalah tepat dan benar** serta **telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan** masing-masing. Semakan ke atas buku perkhidmatan atau/dan rekod HRMIS pegawai perlu dibuat untuk memastikan ketepatan dan kesahihan maklumat perkhidmatan pegawai.
 - (c) Pencalonan yang dikemukakan kepada BMI, JPA hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen-dokumen berikut:
 - (1) Dokumen-dokumen seperti di perenggan A (iii) dan (iv); dan
 - (2) Dokumen-dokumen seperti di perenggan B (iv) (a).

Dokumen-dokumen seperti di atas **HENDAKLAH** disediakan dalam **DUA (2) SET DOKUMEN**. Sila rujuk panduan penyusunan dokumen permohonan seperti di **Lampiran 7**.

- (v) **Pencalonan yang lengkap** hendaklah dikemukakan ke Jabatan ini selewat-lewatnya pada **23 April 2021** dan dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 3, Blok C2, Kompleks C
62510 PUTRAJAYA.
(u.p.: Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan)

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

- (i) Kanser;
- (ii) Serangan jantung;
- (iii) Pulmonary Hypertension;
- (iv) Sakit buah pinggang yang kronik;
- (v) Sakit hati (*/liver*) yang kronik;
- (vi) Fullminant Viral Hepatitis;
- (vii) Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan;
- (viii) Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak;
- (ix) Melepuh dan melecur kerana kebakaran;
- (x) Pemindahan organ utama;
- (xi) Penyakit Parkinson;
- (xii) Penyakit HIV dan Aids;
- (xiii) Pemindahan kaki dan/atau tangan;
- (xiv) Skizofrenia; dan
- (xv) Lain-lain penyakit yang disahkan sebagai penyakit kronik dan tidak sihat untuk meneruskan pengajian oleh pakar perubatan Kerajaan dan/atau pakar perubatan yang diperakukan oleh penaja.

JPA

PANDUAN MENULIS KERTAS CADANGAN PENYELIDIKAN / PENGAJIAN HLP SESI 2022

(A) Panduan menulis cadangan penyelidikan (Ph.D dan Sarjana secara penyelidikan penuh)

Guideline to writing research proposal (Ph.D and Masters by research)

Pemohon dikehendaki mengemukakan cadangan penyelidikan (calon Ph.D dan calon Sarjana secara penyelidikan penuh). Kertas Cadangan tersebut haruslah mengandungi elemen berikut:

Applicants are required to submit a research proposal (Ph.D & Masters by research). The research proposal should comprise the following elements:

- (i) Nama, No. Kad Pengenalan, Bidang Penyelidikan dan Negara Pengajian Dipohon
(Sila letakkan di penjuru atas kanan setiap muka surat)
Name, I/C Number, Field of Research, Proposed Country of Study (Please write as a header of every page)
- (ii) Latar belakang atau kajian perpustakaan ringkas mengenai bidang kajian
Background or a brief literature review on the research topic
- (iii) Objektif kajian / Penyataan masalah
Objective of study / Problem statement
Jelaskan apakah objektif / penyataan masalah yang mendorong tajuk ini dikaji
Explain the objective(s) / problem statement that influence the research
- (iv) Skop kajian / Rangka kajian
Scope of study / Theoretical framework
- (v) Kepentingan dan sumbangan cadangan kajian dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dan penyampaian awam/ pembangunan negara.
Impact and contribution of proposed research in improving the quality of public service delivery and the development of the country.
- (vi) Metodologi kajian
Methodological research
Jelaskan metod-metod yang akan digunakan dalam membuat kajian seperti perpustakaan, kerja makmal, kajian luar, dokumentari persejarahan, wawancara/soal selidik, penafsiran dan analisis, dan lainnya.
Explain the methods used in the research such as library research, lab work, field work, historical documentary, interview, survey, evaluation and analysis, etc.
- (vii) Bibliografi ringkas
Brief bibliography
- (viii) Rangka jadual kerja
Work schedule

Cadangan penyelidikan ini hendaklah **tidak kurang daripada 10 muka surat (Ph.D) dan 5 muka surat (Sarjana) ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.**

The research proposal should not be less than 10 pages (Ph.D) or 5 pages (Masters), written in Bahasa Melayu or English.

Bagi permohonan pengajian di luar negara, cadangan penyelidikan adalah **WAJIB** disediakan di dalam Bahasa Inggeris.

The research proposal for study application abroad shall be written in English.

(B) Panduan menulis pernyataan ringkas pengajian (Sarjana secara kerja kursus)*Guideline to writing statement of purpose (Masters by Coursework)*

Pemohon dikehendaki mengemukakan pernyataan ringkas pengajian yang mengandungi elemen-elemen seperti berikut:

Applicants are required to submit a statement of purpose, comprising the following elements:

- (i) Nama, No. Kad Pengenalan, Bidang Pengajian dan Cadangan Negara Pengajian (Sila letakkan di penjuru atas kanan setiap muka surat)
Name, I/C Number, Field of Study and Proposed Country of Study (Please write as a header of every page)

- (ii) Cadangan Institusi Pengajian yang akan dipohon (3 pilihan UA/IPTS)
Proposed Institution of Study [(3) choices of UA/IPTS]

Bil.	UA/IPTS yang dipilih	Nama Kursus/Program	Jumlah keseluruhan jam kredit yang ditawarkan
1.			
2.			
3.			

- (iii) Tujuan anda untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana.
Purpose of pursuing a master's degree.
- (iv) Ekspektasi berhubung ilmu dan kepakaran yang diharapkan dari pengajian yang dipohon dengan penajaan HLP.
Your expectation on knowledge and skills gained through HLP.
- (v) Potensi/ kepentingan pengajian yang dipohon kepada:
Benefit of study towards:
- Penambahbaikan Skim Perkhidmatan/ organisasi/ Perkhidmatan Awam
Value added to the Scheme of Service/ organisation/ Public Service
 - Pembangunan Negara
The development of the country.
- (vi) Keterangan ringkas berhubung cadangan tajuk dan skop kajian/ tesis/ disertasi
Brief description on proposed independent study/ thesis/ dissertation

Cadangan pernyataan ringkas pengajian ini hendaklah mengandungi **sekurang-kurangnya 3 muka surat serta ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.**

The statement of purpose should not be less than 3 pages, written in Bahasa Melayu or English.

Bagi permohonan pengajian di luar negara, pernyataan ringkas adalah **WAJIB** disediakan di dalam Bahasa Inggeris.

The statement of purpose for study application abroad shall be written in English.

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP SESI 2022
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK**

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)		PERINGKAT PENGAJIAN (✓)		
				KEDOKTORAN	SARJANA	
Pengurusan Sosial	1	Kesejahteraan Komuniti dan Pembangunan Masyarakat	1	Pembangunan Kesejahteraan Komuniti	✓	✓
			2	Pengurusan Gender	✓	✓
			3	Pengurusan Gerontologi	✓	✓
			4	Pembangunan Komuniti Luar Bandar	✓	✓
			5	Kesenian dan Kebudayaan	✓	✓
Sosio Politik Antarabangsa & Hal Ehwal Luar Negeri	2	Dasar Luar Negara dan Politik Antarabangsa	1	Diplomasi Politik	✓	✓
			2	Hubungan dan Kerjasama Antarabangsa	✓	✓
			3	Pengurusan Sektor Pengangkutan dan Maritim Antarabangsa	✓	✓
			4	Rundingan Strategik	✓	✓
Pengurusan Kewangan dan Aset	3	Kewangan Awam, Kewangan Korporat serta Aset dan Fasiliti	1	Pengurusan Kewangan	✓	✓
			2	Pengurusan Cukai Fiskal	✓	✓
			3	Kewangan Monetari / Pelaburan Kerajaan	✓	✓
			4	Pengurusan Perolehan Kerajaan	✓	✓
			5	Pengurusan Kewangan Islam	✓	✓
			6	Pengurusan Aset dan Fasiliti	✓	✓
Pembangunan Wilayah, Kerajaan Tempatan dan Tanah	4	Pembangunan Bandar, Luar Bandar, Kerajaan Tempatan serta Pentadbiran Tanah dan Daerah	1	Pentadbiran dan Pengurusan Tanah	✓	✓
			2	Strata	✓	✓
			3	Pendaftaran	✓	✓
			4	Hasil Bumi	✓	✓
			5	Mengoptimumkan Tanah Rizab Melayu	✓	✓
			6	Pengurusan Hartanah (Real Estate)	✓	✓
			7	Pembangunan Mampan/ Lestari	✓	✓
Pengurusan Sumber Manusia	5	Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam	1	Pengurusan Bakat dan Organisasi	✓	✓
			2	Kesejahteraan Pekerja (Wellbeing)	✓	✓
			3	Pengurusan Tren Baharu dalam Tingkah Laku Organisasi dan Budaya Kerja	✓	✓
Ekonomi	6	Makroekonomi dan Sektoral	1	Makroekonomi (Analisa, Penyelidikan dan Model)	✓	✓
			2	Ekonomi Sektoral	✓	✓
			3	Pengurusan Komoditi	✓	✓
			4	Mikroekonomi	✓	✓
			5	Ekonomi Digital dan Masa Depan	✓	✓
			6	Socio Economic Inequalities	✓	✓
			7	Pembangunan Ekonomi Mampan	✓	✓
			8	Industri Hospitaliti	✓	✓
			9	Ekonomi Pasaran Buruh	✓	✓

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP SESI 2022
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK**

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	PERINGKAT PENGAJIAN (√)		
			KEDOKTORAN	SARJANA	
Keselamatan Negara	7	Keselamatan Dalam Negeri dan Pertahanan Negara	1 Hubungan Strategik, Perpaduan dan Keharmonian Negara	√	√
			2 Keselamatan dan Kedaulatan Negara	√	√
			3 Hal Ehwal Imigresen dan Anti Pmerdagangan Manusia	√	√
			4 Persempadanan Darat, Ruang Udara dan Maritim	√	√
			5 Keselamatan dan Diplomasi Pertahanan	√	√
			6 Pengurusan Risiko Bencana dan Krisis	√	√
Pengurusan Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	8	Pengurusan Sains, Pengurusan Teknologi dan Pengurusan Alam Sekitar	1 Pengurusan Bioteknologi dan Alam Sekitar	√	√
			2 Pengurusan Harta Intelek	√	√
			3 Pengurusan Perkhidmatan Sains dan Teknologi	√	√
			4 Pengurusan Teknologi Baharu (Managing Emerging Technologies) (IR4.0)	√	√
			5 Tenaga Boleh Baharu (Renewable Energy)	√	√
			6 Pengurusan Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Mampan	√	√
Polisi/ Dasar Awam dan Pengurusan	9	Governans, Dasar Awam, Pengurusan dan Pentadbiran (Am), Pengurusan Projek dan Pengurusan Strategik	1 Kecekapan Sektor Awam (Public Sector Efficiency)	√	√
			2 Tadbir Urus dan Integriti	√	√
			3 Kemampanan/ Kelestarian	√	√
			4 Pengurusan Organisasi (Am)	√	√
			5 Pengurusan dan Perancangan Projek	√	√
			6 Pengurusan Strategik	√	√
			7 Komunikasi Strategik	√	√

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP SESI 2022
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI PSIKOLOGI**

KLUSTER	SUB BIDANG		PENGKHUSUSAN	PERINGKAT PENGAJIAN (√)	
				KEDOKTORAN	SARJANA
Social Sciences, Business & Law	1.	Organisasi	1 Positif Psikologi	√	√
	2.	Perkembangan	1 Dewasa		√
			2 Gerontologi		√
	3.	Sosial	1 Komuniti	√	√
			2 Media dan Teknologi		√
			3 Politik		√
			4 Kesihatan		√
			5 Kepenggunaan		√
	4.	Tingkah Laku	1 Ketakupayaan (<i>Disabilities</i>)	√	√
	5.	Kuantitatif dan Pengukuran	1 Psikometrik		√
	6.	Kaunseling	1 Koreksional	√	√
			2 Kewangan		√
	7.	Klinikal	1 Klinikal	√	√
			2 Kriminalogi		√
			3 Forensik	√	√
	8.	Kognitif	1 <i>Artificial Intelligence</i>	√	√
			2 <i>Thinking & Problem Solving</i>		√

JPA

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP SESI 2022
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL**

KLUSTER	SUB BIDANG	PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)	PERINGKAT PENGAJIAN (√)	
			KEDOKTORAN	SARJANA
Engineering, Manufacturing & Construction	1. Mechanical Engineering	1 Metal Fabrication	√	√
		2 Welding	√	√
		3 Materials	√	√
		4 Automotive	√	√
		5 Industrial Product Design	√	√
		6 Mechanical Automation	√	√
		7 Refrigeration and Air-conditioning	√	√
		8 Aviation	√	√
		9 Petroleum	√	√
		10 Maintenance	√	√
		11 Innovation and Engineering Design	√	√
		12 Biochemical-Biotechnology	√	√
	2. Electrical, Electronics And Telecommunication Engineering	1 Mechatronics	√	√
		2 Automation	√	√
		3 Telecommunication	√	√
		4 Biomedical engineering	√	√
		5 Microelectronic	√	√
		6 Industrial Electronics	√	√
	3. General (Engineering)	1 Quality Assurance Engineering	√	√
		2 Safety, Health and Environment	√	√
		3 Green Technology	√	√
	4. Computer Engineering	1 Multimedia Animation	√	√
		2 Networking	√	√
		3 Computer system	√	√
		4 Software development	√	√
		5 Hardware development	√	√
	5. Management (Engineering)	1 Occupational Safety and Health	√	√
		2 Project Management	√	√
		3 Science Management	√	√

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP SESI 2022
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL**

KLUSTER	SUB BIDANG		PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)		PERINGKAT PENGAJIAN (√)	
					KEDOKTORAN	SARJANA
Engineering, Manufacturing & Construction	6.	Civil Engineering	1	Structural	√	√
			2	Geotechnical	√	√
			3	Perkhidmatan Bangunan	√	√
	7.	Emerging Technologies	1	Robotic	√	√
			2	Artificial Intelligence	√	√
Sains Sosial	8.	Ekonomi	1	Ekonomi	√	√
	9.	Geografi	1	Geografi	√	√
	10.	Pengajian Interdisiplin	1	Pengajian Lapangan	√	√
			2	Pengajian Etnik dan Kebudayaan	√	√
			3	Pengajian Jantina dan Seksualiti	√	√
			4	Pengajian Organisasi	√	√
	11.	Sains Politik	1	Sains Politik	√	√
	12.	Sains Sukan	1	Terapi Sukan	√	√
			2	Pengurusan Sukan	√	√
	13.	Psikologi	1	Psikologi	√	√
	14.	Sosiologi	1	Sosiologi	√	√
Profesion dan Sains Gunaan	15.	Pertanian	1	Pertanian	√	√
	16.	Arkitek dan Rekabentuk	1	Arkitek dan Rekabentuk	√	√
	17.	Perniagaan dan Keusahawanan	1	Perniagaan dan Keusahawanan	√	√
	18.	Ketuhanan	1	Ketuhanan	√	√
	19.	Pendidikan	1	Pendidikan	√	√
	20.	Kejuruteraan dan Teknologi	1	Kejuruteraan dan Teknologi	√	√
	21.	Pengajian Persekitaran dan Perhutanan	1	Pengajian Persekitaran dan Perhutanan	√	√
	22.	Sains Kekeluargaan dan Pengguna	1	Sains Kekeluargaan dan Pengguna	√	√
	23.	Prestasi Fizikal Kemanusiaan dan Rekreasi	1	Prestasi Fizikal Kemanusiaan dan Rekreasi	√	√
	24.	Pengajian Kewartawanan, Media dan Komunikasi	1	Pengajian Kewartawanan, Media dan Komunikasi	√	√
	25.	Undang-undang	1	Undang-undang	√	√
	26.	Pengajian Keperpustakaan dan Muzium	1	Pengajian Keperpustakaan dan Muzium	√	√
	27.	Perubatan	1	Perubatan	√	√
	28.	Sains Ketenteraan	1	Sains Ketenteraan	√	√
	29.	Pentadbiran Awam (Polisi Awam)	1	Pentadbiran Awam (Polisi Awam)	√	√
	30.	Kerja Sosial	1	Kerja Sosial	√	√
	31.	Pengangkutan	1	Pengangkutan	√	√

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP SESI 2022
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN GUNASAMA
SKIM PERKHIDMATAN: PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL**

KLUSTER	SUB BIDANG		PENGKHUSUSAN (SYARAT BAGI KAJIAN / TESIS / DISERTASI)		PERINGKAT PENGAJIAN (√)	
					KEDOKTORAN	SARJANA
Kesenian dan Kemanusiaan	32.	<i>Anthropology</i> (Arkeologi)	1	<i>Anthropology</i> (Arkeologi)	√	√
	33.	Sejarah	1	Sejarah	√	√
	34.	Linguistik dan Bahasa	1	Linguistik dan Bahasa	√	√
	35.	Falsafah	1	Falsafah	√	√
	36.	Agama	1	Agama	√	√
	37.	Kesenian	1	Seni Kulinari	√	√
			2	Literasi	√	√
			3	Seni Persembahan	√	√
			4	Seni Visual dan Fotografi	√	√
	38.	<i>Fashion, Textiles & Luxury Goods</i>	1	<i>Fashion, Textiles & Luxury Goods</i>	√	√
Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET)	39.	Teknologi pengajaran dan pembelajaran dalam TVET	1	Teknologi pengajaran dan pembelajaran dalam TVET	√	√
	40.	Pengukuran dan penilaian kurikulum TVET	1	Pengukuran dan penilaian kurikulum TVET	√	√
	41.	Polisi dan kepimpinan dalam TVET	1	Polisi dan kepimpinan dalam TVET	√	√
	42.	Inovasi dalam TVET	1	Inovasi dalam TVET	√	√

JPA

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP SESI 2022
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

KLUSTER	SUB BIDANG		BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	PERINGKAT PENGAJIAN (√)	
				KEDOKTORAN	SARJANA
General Programmes	1.	Basic/ Broad General Programmes	1 Basic Programmes	√	√
			2 Broad, General Programmes	√	√
	2.	Literacy and Numeracy	1 Functional literacy	√	√
	3.	Personal Skills	1 Communication skills	√	√
			2 Enhancing personal skills	√	
Art and Humanities	4.	Arts	1 Design	√	√
	5.	Humanities	1 Humanities	√	√
			2 Interpretation (Other Languages)	√	√
			3 Religion	√	√
			4 Religious Studies	√	√
			5 Study of Different Religions	√	√
			6 Translation (Malays Languages)	√	√
Social Sciences, Business & Law	6.	Business and Administration	1 Accounting	√	√
			2 Auditing	√	
			3 Banking and Finance	√	√
			4 Business and Administration	√	√
			5 Consumer Services	√	√
			6 Human Resources Management	√	√
			7 Information Processing/ Data Entry	√	√
			8 Investment Analysis	√	√
			9 Logistic Management	√	√
			10 Market Research	√	√
			11 Marketing	√	
			12 Personnel Management	√	
			13 Quality Management	√	√
			14 Real-estate Business	√	√
			15 Training Management	√	√
			16 Management and Administration	√	√
	7.	Journalism and Information	1 Archival Sciences	√	√
			2 Communication	√	√
	8.	Law	1 Commercial Law	√	√
			2 Law	√	√
			3 Syariah Law	√	√

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP SESI 2022
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

KLUSTER	SUB BIDANG	BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	PERINGKAT PENGAJIAN (√)	
			KEDOKTORAN	SARJANA
Social Sciences, Business & Law	9. Social and Behavioural Science	1 Demography/ Population Studies	√	√
		2 Economics	√	√
		3 Ethnology	√	√
		4 Human Rights	√	√
		5 International Relations	√	
		6 Library Programmes	√	√
		7 Political Science	√	√
		8 Psychology	√	√
		9 Regional Cultures	√	
		10 Social Anthropology	√	
		11 Social Conflict Theory	√	√
		12 Social Sciences	√	√
		13 Sociology	√	√
Science, Mathematics & Computing	10. Computing	1 Computer Science	√	√
	11. Life Science	1 Biochemistry	√	√
		2 Entomology	√	
		3 Environmental Science	√	
		4 Toxicology	√	
	12. Mathematics and Statistics	1 Data Analysis (Mathematics)	√	√
		2 Statistics, Applied	√	√
	13. Physical Science	1 Earth Science	√	√
		2 Geodesy	√	√
		3 Geography (Physical)	√	
		4 Geoscience	√	√
		5 Marine Science	√	√
		6 Oceanography	√	√
Engineering, Manufacturing & Construction	14. Architecture and Building	1 Architectural Urban Design and Planning	√	√
		2 Architecture	√	√
		3 Cartography/ Land Surveying	√	√
		4 Community Planning	√	
		5 Landscape Architecture	√	√
		6 Surveying	√	√
		7 Topography	√	√
		8 Urban Planning	√	
		9 Urban Studies		√

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP SESI 2022
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

KLUSTER	SUB BIDANG	BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	PERINGKAT PENGAJIAN (√)	
			KEDOKTORAN	SARJANA
Engineering, Manufacturing & Construction	15. Engineering and Engineering Trade	1 Civil Engineering	√	√
		2 Constructional Engineering	√	
		3 Electrical Engineering	√	√
		4 Engineering	√	√
		5 Irrigation and Drainage (Construction)	√	√
		6 Maintenance Engineering	√	√
		7 Maritime Engineering	√	√
		8 Mechanical Engineering	√	√
		9 Metallurgical Engineering	√	
		10 Network Technology	√	√
		11 Oil/ Gas/ Petrochemicals Processing	√	
		12 Quantity Surveying	√	√
		13 Structural Engineering	√	√
		14 Water Technology and Engineering	√	√
	16. Manufacturing and Processing	1 Chemistry (Forensic Analysis)	√	√
		2 Environmental Technology	√	√
		3 Food Science and Technology	√	√
Agriculture & Veterinary	17. Agriculture, Forestry and Fishery	1 Agriculture, Forestry and Fishery (Broad Programmes)	√	
		2 Agricultural Business/ Agribusiness Ope	√	√
		3 Agricultural Economics	√	√
		4 Agronomy and Crop Science	√	√
		5 Forestry	√	√
		6 Horticulture	√	√
		7 Soil Fertility	√	√
	18. Veterinary	1 Veterinary Science	√	√
Health & Welfare	19. Health	1 Pathology	√	
		2 Physiology	√	√

**SENARAI BIDANG PENGAJIAN HLP SESI 2022
BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN BUKAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

KLUSTER	SUB BIDANG	BIDANG/ PENGKHUSUSAN/ KURSUS	PERINGKAT PENGAJIAN (√)	
			KEDOKTORAN	SARJANA
Services	20. Environmental Protection	1 Conservation and Land Management	√	
		2 Environmental Conservation	√	√
		3 Environmental Control	√	√
		4 Environmental Protection		√
		5 Environmental Protection Technology	√	√
		6 Natural Resources Conservation	√	
		7 Soil and Water Conservation	√	√
	21. Personal Services	1 Travel and Tourism	√	
	22. Security Services	1 Ergonomics (Occupational Health and Safety)	√	√
		2 Law Enforcement	√	√
		3 Occupational Health and Industrial Hygiene	√	√
		4 Occupational Health and Safety	√	√
		5 Security Services	√	√
	23. Transport Services	1 Transport Programmes	√	√

JPA

**SENARAI UNIVERSITI TEMPATAN HLP SESI 2022
BAGI PENGAJIAN PERINGKAT Ph.D DAN SARJANA**

BIL. UNIVERSITI AWAM (UA)	
A. UNIVERSITI PENYELIDIKAN (RU)	
1	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
2	Universiti Malaya (UM)
3	Universiti Putra Malaysia (UPM)
4	Universiti Sains Malaysia (USM)
5	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
B. UNIVERSITI KOMPREHENSIF	
1	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
2	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
3	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
4	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
5	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
6	Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI)
7	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
8	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
9	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
10	Universiti Teknologi Mara (UiTM)
11	Universiti Utara Malaysia (UUM)
C. UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA (MTUN)	
1	Universiti Malaysia Pahang (UMP)
2	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
3	Universiti Teknikal Melaka (UTeM)
4	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
BIL. INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS)	
1	Asia Pacific University College of Technology and Innovation (APU)
2	Curtin University (Malaysia Campus), Sarawak
3	Monash University Malaysia
4	Swinburne University of Technology (Sarawak Campus)
5	The Global University of Islamic Finance (INCEIF), Kuala Lumpur
6	Universiti Teknologi Petronas (UTP)
7	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
8	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
9	University College Sedaya International (UCSI University)
10	University of Nottingham (Malaysia Campus), Semenyih
11	Taylor's University Malaysia
12	Management and Science University (MSU)
13	Sunway University
14	Universiti Kuala Lumpur (UNiKL)
15	Universiti Multimedia Malaysia (MMU)
16	Lincoln University College
17	Tunku Abdul Rahman University College (TARUC)
18	University College TATI
19	Widad University College
20	Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK)
21	SEGi University
22	Manipal International University (Nilai)
23	Putra Business School (PBS)

**PANDUAN PENYUSUNAN DOKUMEN PERMOHONAN
HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) SESI 2022**

- Semua pemohon Program HLP JPA Sesi 2022 **DIKEHENDAKI** untuk mengemukakan **DOKUMEN PERMOHONAN YANG LENGKAP** yang **DISUSUN** mengikut turutan seperti berikut:

Turutan Dokumen	Dokumen
1	Borang permohonan atas talian yang telah dilengkapkan, dicetak dan ditandatangani oleh pemohon . Borang ini juga perlu ditandatangani serta dicop rasmi oleh Ketua Jabatan di ruangan perakuan .
2	Borang Laporan PPSM (JPA(L) LDP 1A/96) yang telah dilengkapkan dan ditandatangani serta dicop rasmi .
3	Salinan Ijazah Pertama lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya (diakui sah oleh pegawai berkeelayakan).
4	Salinan Ijazah Sarjana lengkap dengan transkrip atau perincian peratusan markah/PNGK atau kelulusan yang setaraf dengannya (sekiranya berkaitan) (diakui sah oleh pegawai berkeelayakan).
5	Salinan slip keputusan TOEFL / IELTS bagi permohonan ke Luar Negara (diakui sah oleh pegawai berkeelayakan).
6	Salinan Surat Akuan Doktor oleh Pegawai Perubatan & Kesihatan berdaftar sekiranya pegawai atau ahli keluarga menghidap penyakit kronik (ahli keluarga yang dimaksudkan adalah yang dibawa bersama sekiranya ditawarkan pengajian di luar negara sahaja);
7	Salinan Sijil Perkahwinan dan Sijil Kelahiran anak-anak (bagi calon yang telah berkeluarga) (diakui sah oleh pegawai berkeelayakan).
8	DUA (2) Salinan Kertas Cadangan Penyelidikan/Pengajian. Sila pastikan Kertas Cadangan hanya DIKETIP sahaja.

- Dokumen-dokumen yang disusun mengikut turutan seperti di atas **HENDAKLAH** disediakan dalam **DUA (2) SET DOKUMEN**.
- Sila **PASTIKAN** bahawa setiap set dokumen tersebut **TIDAK DIKETIP / DIJILID** tetapi hanya **DIKLIP** sahaja.
